



**PROGRAM LIBAT URUS BERSAMA INDUSTRI DAN AGENSI
KERAJAAN BERKAITAN PENGUATKUASAAN UNDANG-
UNDANG PELABELAN “NO PALM OIL”**

6 MAC 2023

HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA



**PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN PERIHAL
DAGANGAN (LARANGAN PENGGUNAAN PERNYATAAN,
UNGKAPAN ATAU PETUNJUK) (KELUARAN KELAPA
SAWIT DAN BARANG-BARANG MINYAK SAWIT) 2022**



KANDUNGAN

- 1. PENGENALAN**
- 2. LATAR BELAKANG**
- 3. HASIL PELAKSANAAN**
- 4. LARANGAN [PERATURAN 2 (1)]**
- 5. DENDA / PENALTI [SUBPERATURAN 1]**
- 6. JADUAL [SUBPERATURAN 2(1)]**




PENGENALAN

01

(1) Peraturan ini dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022** di bawah Akta Perihal Dagangan 2011

(2) Peraturan-Peraturan ini telah berkuat kuasa pada **15 Mac 2022**.



LATAR BELAKANG

- 1) Kementerian telah mendapati terdapat produk-produk yang diimport dari luar negara dipasarkan di dalam negara dengan **pernyataan yang berbentuk ungkapan atau petunjuk** yang mungkin mendiskriminasi atau boleh memboikot keluaran atau barang-barang melibatkan salah satu komoditi utama negara iaitu minyak kelapa sawit.
- 2) **Tiada undang-undang khusus** yang melarang penggunaan label makanan, notis atau katalog seperti pernyataan *no palm oil* terutama bagi barangan yang diimport dari luar negara.
- 3) Pernyataan-pernyataan ini telah **mengelirukan pengguna di Malaysia** dan secara tidak langsung boleh memberi persepsi negatif terhadap apa-apa keluaran berasaskan minyak kelapa sawit.



No Palm Oil

Absolutely No Palm Oil

TINDAKAN

02

- 1) Mesyuarat Jemaah Menteri pada **18 Oktober 2019** telah bersetuju supaya suatu peraturan digubal bagi melarang penggunaan apa-apa pernyataan, ungkapan atau petunjuk yang bersifat anti terhadap minyak kelapa sawit.
- 2) Peraturan ini bertujuan untuk menangani isu-isu berhubung dengan pernyataan berbentuk ungkapan atau petunjuk yang bersifat anti atau diskriminasi yang boleh memburukkan komoditi utama negara itu.





SOKONGAN



Kementerian/agensi pusat
terbabit telah **BERSETUJU DAN
MENYOKONG** sepenuhnya
cadangan mewujudkan
peraturan tersebut bagi
mencerminkan kesungguhan
Malaysia dalam menangani
persepsi negatif dan sentimen
propaganda oleh pihak
Kesatuan Eropah ke atas
kelestarian minyak sawit negara
dan sebagai langkah proaktif
menangani isu-isu yang boleh
menjejaskan ekonomi komoditi
utama negara itu.

- Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Jabatan Peguam Negara

NOTIFIKASI KEPADA WTO

Pemakluman Mengenai Inisiatif Yang Akan Diambil Oleh Malaysia Selaras Dengan Perenggan 2.9.2 Perjanjian Halangan Teknikal Kepada Perdagangan (Technical Barriers To Trade Agreement) (Tbt Agreement) dan tempoh 60 hari diberikan hingga 24 Januari 2020 namun tiada komen atau bantahan diterima daripada mana-mana negara anggota.

Cadangan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan apa-apa Ungkapan atau Petunjuk dalam Perjalanan Perdagangan atau Perniagaan) **diangkat semula** untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Jabatan Peguam Negara bagi tujuan penguatkuasaan.

11 JANUARI 2022

09 MAC 2022

Jabatan Peguam Negara telah **meluluskan** Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan Atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit Dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022 dan telah **diwartakan pada 14 Mac 2022** seterusnya **berkuat kuasa pada 15 Mac 2022.**

Bahagian Penguat Kuasa, KPDN telah mengeluarkan **arahan pemeriksaan** di seluruh Negara di bawah Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan Atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit Dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022.

01 APRIL 2022

Sejumlah **942 pemeriksaan** di telah dijalankan di peringkat pelbagai premis perniagaan dan tiada tindakan kes yang diambil.

PROSES PELAKSANAAN

**KANDUNGAN PERATURAN-
PERATURAN PERIHAL DAGANGAN
(LARANGAN PENGGUNAAN
PERNYATAAN, UNGKAPAN ATAU
PETUNJUK) (KELUARAN KELAPA
SAWIT DAN BARANG-BARANG
MINYAK SAWIT) 2022**



LARANGAN

2. (1) Tiada seseorang pun boleh, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaannya, atau dalam apa-apa pengiklanan, menggunakan apa-apa pernyataan, ungkapan atau petunjuk—

(a) yang mungkin mendiskriminasikan atau memboikot apa-apa keluaran kelapa sawit atau barang-barang minyak sawit; atau

(b) yang tidak menggalakkan, melarang, menghalang atau mempengaruhi mana-mana orang daripada menggunakan atau mengambil apa-apa keluaran kelapa sawit atau barang-barang minyak sawit.

TAFSIRAN:

- (a) **“apa-apa pernyataan, ungkapan atau petunjuk”** termasuklah pernyataan, ungkapan atau petunjuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) **“ungkapan”** termasuklah representasi atau perbuatan; dan
- (c) **“keluaran kelapa sawit” dan “minyak sawit”** mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582].



PENALTI / DENDA

- (3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan dan disabitkan melakukan suatu kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun.

JADUAL

[SUBPERATURAN 2(1)]

PERNYATAAN, UNGKAPAN ATAU
PETUNJUK

1. “Tidak mengandungi minyak kelapa sawit”

2. “Bebas minyak kelapa sawit”

KABINET SETUJU LARANG PENGUNAAN LABEL 'BEBAS MINYAK KELAPA SAWIT'



"Tindakan itu diambil bagi memastikan tidak berlaku penjualan produk-produk yang mempunyai penandaan seperti 'bebas minyak kelapa sawit', 'tidak mengandungi minyak kelapa sawit', atau ungkapan dan petunjuk negatif berkenaan minyak sawit pada produk."

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

SUMBER : BERNAMA

@JPenerangan

Japenmalaysia

Jabatan Penerangan Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia



TERIMA KASIH

**BAHAGIAN PENGUAT KUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
(KPDN)**